



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama	Profil Kementerian ▾	Piagam Pelanggan
-----------------------	--------------------------------------	----------------------------------

[Hubungi Kami](#) ▾

[Utama](#)
[Galeri Aktiviti](#)
[Akhbar](#)
[Bernama - Persiapan Akhir Pelaksanaan Inisiatif E-Tunai Rakyat Giat Dijalankan, Dilancar Bulan Depan](#)

🕒 [Jumaat, Dis 20 2019](#)



PUTRAJAYA, 19 Dis --Persiapan akhir bagi pelaksanaan inisiatif e-Tunai Rakyat kini giat dijalankan dan bakal dilancarkan pada Januari depan, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Beliau berkata program rangsangan digital berjumlah RM450 juta ini telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan di bawah Belanjawan 2020 untuk menggalakkan penggunaan e-dompet dan pembayaran digital dalam kalangan pengguna dan pedagang tempatan, terutamanya perusahaan kecil dan

perniagaan runcit.

Katanya kementerian melantik Khazanah Nasional Bhd untuk memudahkan serta menyelaraskan pelaksanaan inisiatif e-Tunai Rakyat yang melibatkan kerjasama rapat dengan pelbagai pihak termasuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

"Kerja-kerja pelaksanaan yang diselenggarakan oleh Khazanah merupakan usaha komprehensif untuk memastikan inisiatif e-Tunai Rakyat dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan dan menerapkan ciri-ciri keselamatan untuk pengguna.

"Antara lain, kerja-kerja pelaksanaan ini merangkumi usaha membangunkan mekanisme serta proses dan prosedur yang diperlukan oleh inisiatif ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata Khazanah juga bertanggungjawab ke atas pemilihan pengendali perkhidmatan e-dompet yang secara kolektif menyediakan platform sedia ada yang mempunyai jumlah pengguna aktif sedia yang besar serta rangkaian pedagang yang luas untuk inisiatif e-Tunai Rakyat.

"Khazanah akan mengumumkan pengendali perkhidmatan e-dompet yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan bagi membolehkan inisiatif ini dilancarkan dalam tempoh yang ditetapkan, serta dapat memastikan keberkesanan dan kejayaan pelaksanaannya pada Januari 2020," katanya.

Lim berkata melalui inisiatif e-Tunai Rakyat, warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan berpendapatan tahunan kurang daripada RM100,000 layak menerima RM30 setiap seorang bagi dibelanjakan untuk barangan dan perkhidmatan yang tersedia melalui pengendali perkhidmatan e-dompet terpilih.

"Selain itu, pengendali perkhidmatan e-dompet yang dipilih juga merancang untuk menawarkan insentif tambahan bagi menggalakkan penggunaan sepanjang tempoh dua bulan inisiatif ini dilaksanakan," katanya.

Maklumat lanjut tentang cara memohon serta terma dan syarat penggunaannya akan dimaklumkan oleh Khazanah dan pengendali perkhidmatan e-dompet yang dipilih dalam masa terdekat.

Lim berkata program e-Tunai Rakyat sejajar dengan agenda Kemakmuran Bersama yang bertujuan mengurangkan halangan untuk akses kepada teknologi digital dan menjadikan proses digitalisasi untuk semua.

"Kami yakin inisiatif e-Tunai Rakyat ini akan memberi manfaat yang besar kepada pengguna dan pedagang tempatan serta akan dapat membantu mencapai matlamat yang disasarkan iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai masyarakat dan ekonomi digital yang maju," katanya.

Lim berkata dijangka RM30 yang diberikan kepada setiap orang mungkin ditambah nilainya berpandukan kepada syarat-syarat dan tawaran oleh pengendali perkhidmatan.

-- BERNAMA





Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih <

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **15 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**